

Ecuador Tawar UKM Sertai Projek Pendidikan Di Bandar Visi Barunya

KHAMIS, 27 JUN 2013 15:21



**Oleh Saiful Bahri Kamaruddin
Foto Izwan Azman**

BANGI, 26 Jun 2013 – Ecuador menawarkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyertai projek pendidikannya di bandar moden berwawasan barunya yang sedang dirancang.

Menteri Luar dan Mobiliti Manusianya, Ricardo Patino berkata beliau kagum dengan pencapaian UKM dan akan mengesyorkan universiti negaranya menjalin kerjasama dengan UKM di bandar barunya Yachay.

Patino membuat tawaran itu dalam mesyuaratnya dengan Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dato' Seri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin. Pertemuan itu turut dihadiri delegasi Patino dan pengarah-pengarah pusat penyelidikan serta wakil-wakil fakulti UKM di sini hari ini.

Patino berkata Yachay sedang dibayangkan sebagai "Lembah Silikon" Amerika Selatan atau Bandar Pusat Penyelidikan Ilmu yang menggabungkan pendidikan dengan industri

untuk menggalakkan inovasi di samping menyediakan perumahan yang selesa untuk pekerja berpengetahuan.

Yachay adalah bahasa Quechua atau Inca yang bermakna "Penggunaan pengetahuan, dengan kebijaksanaan". Kerajaan Ecuador yang diketuai Presiden Rafael Correa berharap Yachay akan mempunyai antara universiti terbaik di Amerika Latin, yang akan membangunkan teknologi baru dalam bidang sains, perubatan, telekomunikasi, sibermetik, nanoteknologi dan botani.

Patino adalah dalam rangka lawatan rasmi ke Malaysia dari 25 hingga 27 Jun. Ecuador adalah sebuah negara berbahasa Sepanyol dengan seramai 14 juta penduduk, kaya dengan buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bunga. Ia adalah juga pengeksport terbesar pisang di dunia dengan pengeluaran tahunan sebanyak enam juta tan metrik.

Bercakap menerusi juru bahasa, Patino berkata negaranya kini mengeksport barangan mentah, tetapi mahu menjadi pengeksport barangan perkilangan seperti Malaysia.



Patino mencadangkan institusi pengajian tinggi Malaysia mengambil bahagian dalam transformasi ekonomi Ecuador itu.

Beliau memuji Malaysia kerana berdaya saing dalam bidang teknologi tinggi dan berkata negaranya berhasrat mengikuti jejak Malaysia melalui hubungan institusi pendidikan dengan industri.

"Malaysia juga adalah pemimpin dalam menghasilkan produk elektronik, maka banyak yang boleh dilakukan dalam hal ini," katanya.

Patino juga mengalu-alukan syarikat Malaysia melabur di Ecuador sebagai negara yang mempunyai peluang dan potensi besar untuk pelaburan.

Prof Sharifah Hapsah berkata UKM bersedia untuk berkongsi model kejayaannya sambil belajar dari pengalaman universiti di Ecuador.

Beliau tertarik dengan hakikat bahawa, seperti Malaysia, Ecuador mempunyai hutan hujan tropika yang kaya dengan herba yang berpotensi menjadi produk kesihatan.

Beliau mencadangkan UKM menjalin kerjasama dengan universiti-universiti di Ecuador bagi penyelidikan tenaga solar kerana negara Amerika Selatan itu komited untuk menggunakan tenaga lestari.

Sebagai permulaan beliau mencadangkan universiti Ecuador mengambil bahagian dalam program mobiliti pertukaran pelajar dengan UKM seperti apa yang ia telah jalinkan dengan sebuah lagi universiti Latin Amerika, Mexico yang telah menghantar pelajar-pelajarnya menyertai program mobiliti pertukaran pelajar ke UKM baru-baru ini.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Duta Besar Ecuador ke Malaysia, Lourdes Puma Puma dan Setiausaha Bahagian Amerika Kementerian Luar Negeri, Dato' Syed Sultan Idris.



[PENAFIAN](#), [HAKCIPTA](#), [DASAR PRIVASI](#), [DASAR KESELAMATAN](#) | [TWITTER](#) | [YOU TUBE](#) | [HUBUNGI KAMI](#)

Best view using Internet Explorer 7.0, with the resolution of 1024x768

[CSS Valid](#) | [XHTML Valid](#) | [Top](#)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia | Tel : +603 8921 5555 | Faks : +603 8921 4097 |

Email UKM News Portal: news@ukm.my / Copyright of The National University of Malaysia Build and maintain by Centre for Corporate Communications